

08/07/2001

Rakyat diingat tidak terburu-buru tukar kerajaan

KUALA LUMPUR: Beberapa pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) mahu rakyat negara ini tidak terburu-buru menukar kerajaan kepada pakatan pembangkang yang ternyata tidak sependapat hingga boleh membawa padah yang sukar ditebus.

Mereka berharap rakyat sedar hanya BN yang layak memerintah dan kehadiran pakatan yang dinamakan barisan alternatif boleh memusnahkan apa yang dimiliki selama ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kerjasama utuh di kalangan 13 parti komponen BN sejak lebih 43 tahun lalu berjaya mewujudkan Malaysia sebuah negara yang kaya, aman dan makmur walaupun dihuni rakyat pelbagai kaum.

Keselesaian itu, katanya tidak wajar membuatkan parti komponen BN alpa, sebaliknya mereka harus menyelaras langkah memantapkan lagi keutuhan BN.

"Amanat Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad harus dijadikan iktibar untuk melakukan langkah susulan yang sesuai bagi mengangkat martabat BN sebagai lambang perpaduan rakyat yang membuktikan kerjasama lebih erat.

"Cabaran kita (BN) sekarang ialah menghadapi serangan parti pembangkang serta segelintir rakyat yang tidak tahu berterima kasih kepada kerajaan yang menyediakan pelbagai nikmat dan kemudahan.

"Kita perlu mempunyai perancangan tersusun bagi mengatasi cabaran baru ini untuk terus mendapat tempat di hati rakyat," katanya yang juga Timbalan Pengerusi BN.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, pula yakin BN akan terus diterima rakyat pelbagai kaum termasuk kalangan generasi muda yang tidak mengetahui jerih perih perjuangan untuk mendapat kemerdekaan.

"BN turut berubah mengikut musim. BN sekarang bukan lagi BN seperti 10 tahun lalu, kita sudah bertukar, berubah sikap dan polisi. BN kini semakin utuh dan terus relevan untuk bangsa Malaysia," katanya.

Sementara itu, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, menyifatkan amanat Dr Mahathir sebagai pembakar semangat kepada 13 parti komponen untuk bersatu sebagai entiti tunggal bagi menghadapi sebarang cabaran.

"Saya yakin semua parti komponen lain, seperti juga MIC, tidak akan teragak-agak hidup atau mati bersama BN kerana hanya BN saja satu-satunya parti yang mampu berjuang untuk semua kaum di negara ini.

"Walaupun kita hidup pada zaman penuh cabaran, kejayaan BN membawa perpaduan, kestabilan dan kemajuan setakat ini sudah cukup bagi menjamin parti ini terus memerintah pada masa depan," katanya yang juga Menteri Kerja Raya.

Beliau berkata, MIC berpegang kepada dasar bahawa negara lebih penting daripada parti dan sanggup berkorban apa saja demi kesinambungan tunggak pemerintahan BN.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata BN telah memberi rakyat Malaysia corak kehidupan yang menjadi idaman dan impian kebanyakan negara lain di dunia.

Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP), Datuk M Kayveas, berkata BN sudah terbukti sebagai parti yang matang dan berwibawa kerana mampu memerintah negara sejak zaman kemerdekaan lagi.

"Bagaimanapun, peredaran zaman membawa bersamanya pelbagai cabaran baru yang memerlukan semua anggota parti komponen sentiasa peka bagi memastikan generasi akan datang bangga mewarisi tampuk pemerintahan BN yang utuh,"

katanya yang juga Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Setiausaha Agung Gerakan, Chia Kwang Chye, berkata ucapan Perdana Menteri hanya mengukuhkan kerjasama yang sedia wujud di kalangan parti komponen.

Justeru, beliau mencadangkan supaya konvensyen seperti ini dapat dijadikan acara tahunan, bagi mengukuhkan semangat setia kawan sesama parti komponen.

Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamad, berkata memang menjadi matlamat BN menubuhkan satu bangsa Malaysia.

Bagaimanapun, katanya, hasrat itu mungkin tidak dapat dicapai dalam tempoh terdekat ini kerana belum mencapai tahap sama rata antara kaum, terutama dari segi ekonomi.

Selain itu, katanya, tahap kesedaran di kalangan rakyat Malaysia pelbagai kaum mengenai perkara itu juga perlu ditingkatkan.

"Kita tidak boleh selamanya bercakap mengenai bangsa dan budaya berasingan, sebaliknya sebagai satu bangsa dan budaya yang satu iaitu budaya dan bangsa Malaysia.

"Dengan itu, barulah kita dapat bercakap mengenai isu nasional yang menjadi wadah perjuangan semua bangsa di negara ini," katanya.

Mengenai saranan supaya parti komponen BN mengadakan perjumpaan lebih kerap, Mustapa berkata, beliau sudah memulakan usaha itu di Kelantan dengan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya tiga bulan sekali.

(END)